



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

17 Mar 2021 (Rabu)

Berita Harian

Guna air sisa dirawat atasi isu bekalan	1
Sultan Selangor dukacita tindakan jejas akidah Islam	2

Utusan Malaysia

Sultan dukacita individu keluar kata-kata jejas akidah	3
--	---

Harian Metro

Netizen	4
Ejay rindu mekap artis	5
Kerjasama strategik Air Selangor, WIK	6

Kosmo

Kalau betul perempuan, buktikan	7
Sultan Selangor dukacita berkaitan isu murtad	8
146 polis Bukit Aman kena saman	9

Sinar Harian

UNISEL tawar pendidikan percuma	10
IWK, Air Selangor tandatangani MoLI bekalkan air kepada pengilang	11
Sultan Selangor dukacita isu murtad	12

The Star

Criminals thriving at poorly- lif flats	13
MPK to set up panel of approved waste disposal agents	14
'Removing waste will take months'	15
Air Selangor,IWK in industrial treated water tie-up	16

New Straits Times

AIR SELANGOR, IWK IN WATER TIE-UP	17
-----------------------------------	----

The Malaysian Reserve

IWK, Air Selangor treat wastewater for industry use	18
---	----

China Press

Selangor Bukit Angkat factory, 76 employees diagnosed with Covid-19	19
Former mayor of Shah Alam, Haris Kasim as state finance official	20
Former MPAJ deputy president Hazir now LUAS director	21
PJ SS 8 Park costs RM200,000 to upgrade, will be complete in June	22
Selangor Sultan was deeply saddened by the proselytism remarks of some Muslims	23
How difficult is it to restrict plastic?	24
Lawbreakers invaded the TNB reservation and burned publicly under high-voltage cables	25
Leong Tuck Chee: It is depends to the law and residents' wishes, "Don't rent speeches that do not discriminate against foreign workers"	26

Sin Chew Daily

KASA Minister : Air Selangor and IWK collaborates; Water reclamation implemented in Klang river areas	27
---	----

Nanyang Siang Pau



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Air Selangor collaborates with Indah Water Konsortium; RM600m used to convert polluted water into clean water	28
Hazir Runizan promoted to LUAS director	29
Stay away from faith, your faith is shaken, Selangor Sultan heartaches Muslims abandon religion	30



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

17 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Guna air sisa dirawat atasi isu bekalan
Muka Surat	:	15

Guna air sisa dirawat atasi isu bekalan

Kuala Lumpur: Malaysia bakal memanfaatkan air sisa dirawat untuk dijadikan sumber air kedua negara sebagai antara langkah penyelesaian bekalan air, terutama pada musim kemarau, kata Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.

Katanya, kerjasama Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dengan Syarikat Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam membangunkan projek penggunaan semula air sisa dirawat turut membuka lembaran baharu di dalam industri air negara yang mampu menjana ekonomi.

“Inisiatif berkenaan selaras usaha kerajaan mencapai sasaran di bawah matlamat keenam Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDG 2030), iaitu memastikan akses dan pengurusan mampan air serta sanitasi kepada semua,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dantara Air Selangor dan IWK bagi Pembangunan Air Pulih Guna di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya di sini, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhdar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita tindakan jejas akidah Islam
Muka Surat	:	17

Sultan Selangor dukacita tindakan jejas akidah Islam

Muslim mesti berpegang secara mutlak terhadap tauhid, akidah sepanjang hidup

Oleh Norzamira Che Noh
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah amat dukacita dengan tingkah laku segelintir individu Islam, khususnya di negeri ini yang tidak berhati-hati mengeluarkan kata-kata boleh menjejaskan akidah dan keislaman mereka.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani, memaklumkan baginda bertitah apa-apa juga iktikad (pernyataan dalam hati) atau percakapan atau perbuatan oleh

mana-mana orang Islam yang berhasrat untuk keluar daripada agama Islam, dikuatiri boleh membawa kepada tergelincirnya akidah dan menyebabkan terkeluarnya seseorang itu daripada agama Islam.

"Asas kepada kepercayaan umat Islam adalah mengakui akan keesaan Allah SWT dengan mengucap kalimah syahadah dan seorang Islam perlulah sentiasa berpegang kepada keyakinan bahawa hanya Allah SWT yang berhak disembah dan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah SWT.

"Seseorang yang berpegang dengan Islam sebagai agamanya, berpegang secara mutlak terhadap prinsip tauhid dan akidah sepanjang kehidupannya. Tindakan segelintir umat Islam, khususnya di Selangor yang mengugut untuk keluar daripada agama Islam apabila berhadapan sesuatu masalah hanya menunjukkan rapuhnya keyakinan mereka terhadap

agama Islam dan Allah SWT," kata kenyataan itu, semalam.

Menurut kenyataan itu lagi, Sultan Selangor sangat berpegang kepada keyakinan bahawa Islam dan iman satu anugerah dan nikmat daripada Allah SWT kepada umat Islam, dan hendaklah dijaga dengan baik dalam apa juga situasi, sama ada dalam keadaan selesa atau kepayahan.

Baginda bertitah, perbuatan murtad juga kesalahan yang serius yang jika digambarkan di dalam bentuk hukuman mengikut hukum syarak bagi seseorang yang murtad atau keluar daripada agama Islam dan yang sudah diberi peluang untuk bertaubat, namun tidak mahu bertaubat, boleh dihukum mati menurut pendapat majoriti ulama, termasuk mazhab Imam Syafie.

"Baginda menasihatkan umat Islam agar sentiasa berpegang teguh kepada akidah Islam dan tidak mudah terpesong daripada akidah Islam sebenar," kata ke-

nyataan itu sambil menambah, tindakan pihak berkuasa agama seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang menguat kuasa undang-undang suatu tindakan dan proses biasa berlandaskan peruntukan undang-undang.

"Baginda sudah menitahkan agar semua tindakan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan JAIS hendaklah selaras dengan prinsip yang mendukung keutamaan dakwah, mendidik, mencegah dan meningkatkan kefahaman Islam yang betul kepada masyarakat.

"Sebagai umat Islam dan rakyat di negara ini, khususnya di Selangor seharusnya akur proses undang-undang dan mematuhi setiap prosedur digariskan di bawah undang-undang. Baginda turut menegaskan, MAIS dan JAIS sentiasa terbuka untuk mendengar dan berbincang dengan umat Islam di Selangor atas sebarang perkara mengenai hal ehwal Islam, sama ada bersifat

Asas kepada kepercayaan umat Islam adalah mengakui akan keesaan Allah SWT dengan mengucap kalimah syahadah dan seorang Islam perlulah sentiasa berpegang kepada keyakinan bahawa hanya Allah SWT yang berhak disembah dan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah SWT.

Titah Sultan Sharafuddin Idris Shah

umum atau peribadi.

"Selain itu, baginda juga menitahkan agar MAIS dan JAIS sentiasa memelihara dan mempertahankan akidah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada sebarang unsur dan ideologi yang boleh merosakkannya," katanya.



KERATAN AKHBAR

17 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sultan dukacita individu keluar kata-kata jejas akidah
Muka Surat	:	6

Sultan dukacita individu keluar kata-kata jejas akidah

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
 rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa amat dukacita dengan sikap dan tingkah laku segelintir individu khususnya di negeri ini yang tidak berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata yang boleh menjejaskan akidah dan keislaman mereka.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Muhamad Munir Bani berkata, sebarang iktikad atau percakapan atau perbuatan yang berhasrat untuk keluar daripada Islam dikhuatiri boleh membawa kepada tergelincirnya akidah dan menyebabkan terkeluarnya seseorang itu daripada agama.

Menurut beliau, asas kepada kepercayaan umat Islam adalah mengakui akan keesaan Allah dengan mengucap kalimah syahadah dan perlulah sentiasa berpegang kepada keyakinan bahawa hanya Allah yang berhak disembah dan Nabi Muhammad sebagai pesuruh-Nya.

“Seseorang yang berpegang dengan Islam sebagai agamanya adalah berpegang secara mutlak terhadap prinsip tauhid dan akidah sepanjang kehidupannya.

“Oleh demikian, tindakan segelintir umat Islam khususnya di Selangor yang mengugut untuk keluar daripada agama apabila berhadapan dengan sesuatu masalah hanya menunjukkan rapuhnya keyakinan mereka terhadap Islam dan Allah.

“Baginda sangat berpegang kepada keyakinan bahawa Islam dan iman adalah satu anugerah dan nikmat daripada Allah kepada umat Islam. Kita hendaklah menjaganya dengan baik dan penuh kesabaran dalam apa juga situasi termasuk dalam keadaan selesa atau kepayahan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Muhamad Munir berkata, Sultan Selangor bertitah umat Islam agar sentiasa berpegang teguh kepada akidah Islam dan tidak mudah terpesong daripada akidah Islam sebenar.

Jelas beliau, seriusnya kesalahan perbuatan murtad itu digambarkan dalam bentuk hukuman mengikut hukum syarak bagi seseorang yang murtad dan yang telah diberi peluang untuk bertaubat namun tidak mahu bertaubat adalah boleh dihukum mati menurut pendapat majoriti para ulama termasuk mazhab

imam Syafie.

“Tindakan pihak berkuasa agama seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang menguatkuasa undang-undang adalah suatu tindakan dan proses

biasa berlandaskan peruntukan undang-undang,” ujarnya.

Pada masa sama, beliau berkata, Sultan Selangor telah menitahkan agar semua tindakan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan JAIS hendaklah selaras dengan prinsip-prinsip yang mendukung keutamaan dakwah, mendidik, mencegah dan meningkatkan kefahaman Islam yang betul kepada masyarakat.

Jelasnya, sebagai umat Islam dan rakyat di negara ini khususnya di Selangor seharusnya akur kepada proses undang-undang dan mematuhi setiap prosedur yang telah digariskan di bawah undang-undang.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Netizen
Muka Surat	:	14

PENANGAN AJL35

Netizen terus 'menggila'



Bersama
Riadz Radzi



Kita tidak boleh menilai lagu mengikut cita rasa muzik yang kita suka. Penerimaan orang terhadap sesebuah lagu itu juga berbeza

umah sudah siap, pahat masih berbunyi.
 Peribahasa ini sesuai dengan malam kemuncak Anugerah Juara Lagu ke-35 (AJL35) yang melabuhkan tirainya Ahad lalu di Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sebaik lagu Gila ciptaan dan lirik oleh Ezra Kong, Loca B dan Noki diumumkan juara, bertebaran komen di media sosial daripada 'tentera bawang' memperkatakan mengenai kemenangan lagu dendangan Kaka Azraff, Loca B dan Noki itu.

Bukan saja mengenai keputusan juri, tetapi juga mengenai perjalanan AJL35 secara keseluruhan termasuk persembahan artis, pengacara, pakaian dan macam-macam lagi.

Paling diperkatakan ramai pastinya persembahan Nabila Razali menerusi lagu Peluang Kedua yang dikatakan 'terkucil' di satu bahagian.

Membaca komen di media sosial bukan saja membuatkan saya tergelak dan kasihan, tetapi juga beristighfar!

Begitu scenarionya apabila wujudnya media sosial apabila manusia boleh berubah menjadi dua watak.

Ketika berjumpa anda dia mungkin seorang lemah lembut, sopan dan baik hati, tapi dalam media sosial lagaknya boleh berubah ganas seperti tentera Serb ketika Perang Balkan di Eropah pada awal 1990-an dulu.

Apabila menyebut mengenai AJL35, maka ramai yang secara tiba-tiba bertukar kerjaya menjadi penyanyi, komposer, penulis lirik, ketua juri, penerbit program, pereka pentas, jurukamera termasuk ustaz dan ustazah! Semuanya tak betul di mata mereka!

Ramai juga yang 'acah-acah' menjadi golongan berpendidikan kononnya tidak menonton AJL35 kerana ia program sampah (tapi pada masa sama mahu ambil tahu perkembangannya juga).

Penerbit Eksekutif AJL35, Nurhul Huda Khalid berkata, dia bersama warga kerja produksi sudah bersedia dengan apa saja yang akan dikomen, dikedam atau dikritik netizen di media sosial.

"Sebaik mana pun hasil kerja dibuat, pasti akan ada orang yang tidak berpuas hati. Jadi, semuanya kami ambil positif kerana mereka

hanya menonton dan tak pernah tahu pun apa kepayahan yang warga produksi hadapi untuk memastikan acara ini dapat berlangsung lancar.

"Saya ucapkan terima kasih kepada semua netizen kerana menonton AJL35. Cerita tular dikongsi mengenai AJL35 sangat kelakar dan saya hanya ketawa. Sekurang-kurangnya orang tengok dan melihat apa yang berlaku itu," katanya.

Nurhul berkata, bukan mudah menganjurkan AJL35 walaupun tiada penonton.

"Cabarannya agak besar, tapi kami warga produksi tetap berusaha juga sekalipun perlu menghadapi banyak kekangan," katanya.

Sebenarnya, apa yang berlaku ini sudah wujud sejak pengumuman AJL yang pertama lagi pada 1986 (ketika itu dikenali sebagai Juara Lagu).

Bezanya ketika itu tiada media sosial, jadi penonton dan peminat hanya berbincang sesama mereka dan ia tidak sampai kepada pasukan produksi dan peserta.

Lain jika komen itu datang daripada individu bernama besar dalam industri muzik dan ia disiarkan dalam akhbar, majalah atau stesen TV.

Contohnya ketika Juara Lagu 1989, ada peminat kumpulan Search dan Wings 'bertekak' sesama sendiri mengenai kemenangan Search menerusi lagu Isabella dalam kategori Persembahan Terbaik.

Rata-rata peminat Wings dan juga sebahagian besar penonton Juara Lagu ketika itu tidak berpuas hati apabila lagu Taman Rashidah Utama dan Misteri

Mimpi Syakilla hanya menduduki tempat kedua, dan ketiga bagi kategori itu.

Mereka menyifatkan Wings memberikan persembahan yang cukup mantap menerusi kedua-dua lagu itu dan layak menang Persembahan Terbaik.

Bagaimanapun, keputusan juri tetap muktamad dan Search turut mengungguli Juara Lagu 1989 apabila Isabella menyapu bersih dengan muncul juara keseluruhan, Persembahan Terbaik dan Lirik Terbaik.

Bayangkan jika waktu itu sudah wujud media sosial seperti hari ini. Agaknya tentu Search dikedam teruk netizen!

Berbalik kepada AJL35, kemenangan Gila dipertikaikan dengan mendakwa ia lagu sampah, judul lagu merepek dan susunan muzik yang entah apa-apa!

Itulah, kadang-kadang pelik dengan kemahuan sebenar netizen ini. Lagu genre apa pun yang menang, ia tetap tak kena dengan kemahuan mereka.

Ketua Juri AJL35, Datuk Mokhzani Ismail menjelaskan, Gila menepati kriteria iaitu berkualiti dan bukan berdasarkan kepada populariti semata-mata.

"Kita tidak boleh menilai lagu mengikut cita rasa muzik yang kita suka. Penerimaan orang terhadap sesebuah lagu itu juga berbeza.

"Ada yang suka kerana kualitinya dan ada yang minat penyanyi. Kita tidak boleh nilai berdasarkan populariti. Justeru saya minta juri untuk memilih pemenang berdasarkan kriteria yang ditetapkan," katanya.

Mokhzani yang juga Pengarah Muzik Orkestra RTM berkata, Gila dipilih kerana komposer berani membuat pembaharuan.

"Lagu itu agak kompleks daripada sudut teknikal pembikinannya, tetapi tidak mengtepetikan aspek komersial. Melodinya juga sarat dengan elemen kemelayuan. Itu yang membuatkan ia unik," katanya.

Secara peribadi, saya bersetuju dengan penjelasan Mokhzani ini. Gila ada kelebihan tersendiri walaupun menentang elemen rap dan hip hop, ia turut menyelitkan bunyi kemelayuan.

Saya tidak nampak apa masalah dengan judulnya yang dikatakan merepek dan mengarang. Jika diamati liriknya, ia berinspirasi daripada kisah benar seseorang yang tidak berani untuk berhijrah kerana takut dengan situasi 'gila' di bandar.

Ia ringkas, tidak kompleks dengan bahasa bombastik atau absurd dan maksudnya tepat.

Kecam dan kutuk sepuas-puasnya, namun apabila tiba waktunya, ramai yang tetap menghadap TV menonton AJL.

Saya teringat cerita bekas 'orang kuat' sebuah stesen TV yang juga saingan TV3.

"Setiap kali kami 'brainstorming' untuk mengadakan program baharu, perkara pertama yang dibincangkan ialah bagaimana nak 'beat' (tewaskan) AJL," katanya.

Itu bukti AJL terus diangkat sebagai program hiburan tempatan paling berprestij.

Penulis Pengarang Hiburan, Harian Metro



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Ejay rindu mekap artis
Muka Surat	:	16

Ejay rindu mekap artis

Jurusolek hidap barah otak ingin kembali bertugas demi kelangsungan hidup

Oleh Redzuan Muharam
 redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“**S**aya rindu bekerja di set penggambaran seperti dulu, namun apakan daya, kesihatan tidak mengizinkan untuk bergerak aktif,” luah jurusolek, Muhammad Hairul Nizam Amaran. Hairul Nizam, 37, atau mesra disapa Ejay memberi reaksi itu ketika diminta berkongsi kisahnya yang tidak bekerja sejak tiga tahun lalu akibat menghidap barah otak.

Berikutan penyakit itu, Ejay yang juga anak ketiga daripada 10 beradik perlu mendapatkan rawatan susulan dengan doktor pakar di Hospital Ampang, Selangor.

Sehingga kini, Ejay sudah dua kali menjalani pembedahan termasuk yang terbaharu pada 13 Disember tahun lalu.

Berkongsi pengalamannya, Ejay yang tinggal menyewa di Pangsapuri Seri Nilam, Ampang berkata, sebelum menghidap barah, dia terlebih dulu diuji dengan penyakit tibi pada 2018.

Menurutnya, selepas pulih daripada penyakit itu, doktor mengesan ketumbuhan pada kepala sebelum mengesahkannya menghidap barah otak.

“Saya mencari rezeki sebagai jurusolek sejak 2006 dan hasil pendapatan itu membolehkan saya menampung hidup sendiri dan adik-beradik yang tinggal bersama.”

“Namun, segalanya berubah selepas saya jatuh sakit

dan ketika itu, muka saya membengkak akibat masalah pada saraf hingga tidak dapat bekerja kerana perlu menjalani rawatan susulan di hospital.

“Cuma, ada masanya, saya tidak dapat menjalani rawatan kerana masalah kewangan untuk berulang-alik ke dari rumah ke hospital,” katanya ketika dihubungi.

Ejay berkata, buat masa ini, dia tidak berseorangan melalui ujian itu, tetapi dibantu dua adiknya, Siti Nurul Hidayah, 25, dan Saiful Buhari, 20, yang tinggal bersama.

Menurutnya, sebelum ini dia bergerak menggunakan kerusi roda, tetapi kini boleh berjalan menggunakan tongkat cuma tidak kerap sejak menjalani rawatan fisioterapi.

“Doktor pernah menjangkakan saya akan lumpuh, tetapi keajaiban berlaku

kerana sehingga kini, saya boleh berjalan.

“Bagaimanapun, saya perlu bergantung kepada tiga jenis ubat untuk saraf dan ke hospital bertemu pakar Mei nanti bagi menetapkan tarikh “pembedahan susulan,” katanya yang masih menjalani rawatan kemoterapi.

Ejay berkata, kedua-dua adiknya tidak bekerja kerana perlu membantu menguruskannya di rumah.

Buat masa ini, Ejay bergantung dengan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang membantu menjelaskan sewa bulanan rumah dan keperluan asas iaitu beras.

Menurutnya, ibunya meninggal dunia akibat barah hati manakala adik-beradik lain dan ayah tidak tinggal bersama, jadi hanya dua adik tinggal bersama menjadi tempat bergantung.

“Ada rakan artis yang pernah membantu seperti Sharifah Sakinah, Syatilla Melvin, Aaron Aziz dan Sherry Alhadad yang berkongsi kisah saya di laman sosialnya.

“Saya hargai pertolongan mereka cuma jauh di sudut hati, saya berharap dapat sembuh kerana perlu bekerja demi kelangsungan hidup bagi membantu adik terutama yang bongsu kerana dia berhasrat menyambung pelajaran.

“Entah bila akan sembuh, tetapi saya mahu terus berikhtiar untuk berubah dan berharap pesakit

lain tidak berputus asa,” katanya.

Orang ramai yang berhasrat membantu boleh menghulurkan sumbangan ke akaun Maybank bernombor 164052287260 atas nama Mohd Hairul Nizam Amaran atau menghunbunginya di talian 019-2614728.

“**Jauh di sudut hati, saya berharap dapat sembuh Ejay**”



KETIKA masih sihat.

Syurga Yang Kedua

GAMBAR kenangan Ejay bersama Diana Danielle.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
17 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kerjasama strategik Air Selangor, WIK
Muka Surat	:	21

Kerjasama strategik Air Selangor, IWK

Kuala Lumpur: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menandatangani satu perjanjian bagi usaha sama memulihkan kegunaan air melalui penubuhan syarikat tujuan khas, Central Water Reclamation Sdn Bhd.

Melalui kerjasama itu, Air Selangor akan memiliki pegangan 60 peratus manakala IWK sebanyak 40 peratus dalam syarikat tujuan khas berkenaan.

Perjanjian itu bagi membolehkan biofluen yang dirawat di loji rawatan IWK dibekalkan ke loji rawatan Central Water yang dilengkapi teknologi terkini untuk dirawat seterusnya.

Loji rawatan Central Water kemudian akan menghasilkan air yang tidak boleh diminum terawat yang boleh digunakan dengan selamat oleh industri dan pertanian bukan tanaman khususnya di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.



PERTUKARAN MoU antara Air Selangor dan IWK yang diwakili Suhaimi (kiri) dan Narendran (kanan) sambil disaksikan Menteri Alam Sekitar dan Air (belakang, kanan), Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man serta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Lumpur dan Putrajaya.

Air itu akan diagihkan oleh Air Selangor menerusi jaringan paip khas.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IWK, Narendran Maniam berkata, pelaburan untuk projek pertama yang melibatkan Loji Rawatan Air Pulih Guna di Setia Alam, Selangor, berkapasiti mengeluarkan sehingga 7.5 juta liter air terawat yang tidak boleh diminum sehari ber-

nilai hampir RM15 juta.

“Projek ini adalah loji sedia ada dengan jajaran paip sedia ada. Central Water dijangka mengambil alih dan memulakan operasi pertama pulih guna air di loji rawatan Setia Alam pada suku kedua 2021,” katanya pada sidang media secara dalam talian, semalam.

Beliau berkata, IWK dan Air Selangor juga akan memperluaskan lagi kerja-

sama itu untuk merangkumi dua lagi loji rawatan IWK yang terletak di Pantai 2, Kuala Lumpur dan Seksyen 23, Shah Alam yang dijangka bermula awal 2022.

“Usaha sama ini bagi jangka panjang untuk mengurangkan beban air boleh minum.

“Air ini adalah air bergred industri yang melalui proses teknologi penapisan ultra dan osmosis berbalik. Ia tulen, air tanpa mineral ini mampu membantu pengeluaran pihak perindustrian di Lembah Klang,” katanya.

Sementara itu, CEO Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman berkata, pihak industri yang berminat untuk menggunakan air yang dipulih guna daripada Air Selangor boleh menghubungi pihaknya untuk membincangkan kesesuaian dan kebolehlaksanaan berdasarkan lokasi dan premis mereka.
 - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kalau betul perempuan, buktikan
Muka Surat	:	3



Sajat diminta serah diri untuk sahkan jantina »3

MAJLIS Agama Islam Selangor meminta usahawan kosmetik kontroversi, Nur Sajad atau nama sebenarnya Muhammad Sajad Kamaruzzaman, 36, tampil menyerah diri bagi membolehkan pihak berkuasa mengesahkan jantina sebenarnya.

MAIS mahu Sajad serah diri, sedia bantu usahawan kontroversi buktikan jantina

Kalau betul perempuan, buktikan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Usahawan kosmetik kontroversi, Nur Sajad atau nama sebenarnya Muhammad Sajad Kamaruzzaman, 36, diminta menyerah diri sekali gus membuktikan dakwaan dirinya seorang perempuan.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, ini kerana setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang dokumen daripada Sajad yang membuktikan jantannya.

"Dia kata dia perempuan, datanglah, kita hendak bantu dan sahkan dia betul-betul perempuan.

"Kita sediakan doktor kerana hanya doktor sahaja boleh menentukan dakwaannya itu, jadi sila datang. Malah, menerusi



KERATAN Kosmo! 24 Februari 2021.

ujian asid deoksiribonukleik (DNA) juga boleh menentukan jantina seseorang. Tidak boleh tipu punya.

"Setakat ini, tiada langsung dokumen diserahkan pihak Muhammad Sajad membuktikan

dia perempuan," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menurut Abdul Aziz, pihaknya ingin membantu Muhammad Sajad dan usahawan itu tidak perlu memburukkan pegawai MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menerusi laman sosial.

"Dalam undang-undang, kita hendak selamatkan dan tidak mahu disebabkan ini keluar daripada Islam dan sebagainya, itu pun satu niat tidak betul.

"Bukan kita hendak terus tangkap dan campak masuk dalam lokap, kurung. Kita ada peraturan dan undang-undang" jelasnya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengapa agak sukar menangkap Muhammad Sajad walaupun usahawan itu telah secara terang membuat 'live' menerusi

laman Instagramnya, beliau menegaskan, ada kalanya perkara itu tidak boleh dikesan terutama yang berdaftar di luar negara.

"Kadang-kadang, rakannya yang membuat naik posting itu. Lagipun, bukan senang hendak tangkap orang ini jika dia tidak menggunakan telefon bimbit.

"Kita hendak bantu dia sebab itu berusaha mencari dan tangkap dia. Namun sehingga kini nampaknya belum berjaya lagi," jelasnya.

Pada 23 Februari lalu, Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Mohammad Khalid Shae@Shaili mengeluarkan waran tangkap kepada Sajad selepas dia gagal menghadirkan diri dalam sebutan semula pertuduhan berpakaian menyerupai wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.



SAJAD diminta menyerah diri kepada JAIS.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita berkaitan isu murtad
Muka Surat	:	3

Sultan Selangor dukacita berkaitan isu murtad



SULTAN SHARAFUDDIN

PETALING JAYA – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa amat dukacita dengan sikap dan tingkah laku segelintir umat Islam khususnya di Selangor yang tidak berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata yang boleh menjejaskan akidah dan keislaman mereka.

Baginda menegaskan apa-apa iktikad, percakapan atau perbualan oleh mana-mana orang Islam yang berhasrat untuk keluar daripada agama Islam dikhuatiri boleh membawa kepada tergelincirnya akidah.

“Tindakan segelintir umat Is-

lam khususnya di Selangor yang mengugut untuk keluar daripada agama Islam apabila berhadapan dengan sesuatu masalah hanya menunjukkan rapuhnya keyakinan mereka terhadap agama Islam dan Allah SWT.

“Umat Islam dinasihatkan agar sentiasa berpegang teguh kepada akidah Islam dan tidak mudah terpesong daripada akidah Islam sebenar,” titah baginda dalam satu kenyataan di laman *Twitter Selangor Royal Office* semalam.

Sultan Selangor bertitah, semua tindakan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Selangor

(MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) hendaklah selaras dengan prinsip yang mendukung keutamaan dakwah, mendidik, mencegah dan meningkatkan kefahaman Islam yang betul kepada masyarakat.

“Sebagai umat Islam dan rakyat Malaysia, khususnya Selangor, seharusnya akur kepada proses undang-undang dan mematuhi setiap prosedur yang telah digariskan di bawah undang-undang.

“Bahkan, beta mahu MAIS dan JAIS sentiasa memelihara serta mempertahankan akidah aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah daripa-

da sebarang unsur dan ideologi yang boleh merosakkannya,” titahnya.

Antara isu murtad yang tular baru-baru ini turut membabitkan seorang usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 36; atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat yang menyatakan hasrat untuk keluar daripada agama Islam.

Video berdurasi satu minit 45 saat itu memaparkan luahannya yang seakan-akan mahu menukar agama selepas mendakwa kecewa dengan tindakan orang di sekeliling termasuk dengan apa yang berlaku kepadanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	146 polis Bukit Aman kena saman
Muka Surat	:	9

Pelbagai kesalahan trafik dikesan dilakukan pegawai dan anggota PDRM

146 polis Bukit Aman kena saman



SEBAHAGIAN kenderaan warga PDRM yang diperiksa menerusi satu operasi khas di pintu masuk Bukit Aman, Kuala Lumpur semalam.

Oleh EDDY HAMIDI

PETALING JAYA – Sebanyak 146 saman di atas pelbagai kesalahan telah dikeluarkan kepada anggota serta pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi satu operasi khas di pintu masuk Bukit Aman, Kuala Lumpur semalam.

Timbalan Pengarah (Penguatkuasaan/ Kawalan Lalu Lintas/ Pengurusan Saman), Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Mohd. Nadzri Hussain berkata, operasi khas bermula pukul 7 pagi itu diadakan secara mengejut di lokasi tersebut.

"Dalam operasi ini sebanyak 280 kenderaan telah diperiksa dan sebanyak 146 saman dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

"Antara kesalahan dilakukan adalah seperti nombor pendaftaran tidak mengikut spesifikasi, tiada cermin sisi, tiada cukai jalan dan ubah suai ekzos telah dikesan," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, objektif utama operasi pemeriksaan mengejut ini diadakan adalah untuk me-

meriksa kenderaan digunakan oleh warga kerja PDRM yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya.

"Operasi ini terutamanya bagi mereka yang melakukan pengubahsuaian kenderaan dan menggunakan nombor pendaftaran tidak mengikut spesifikasi dibenarkan," katanya.

Jelas beliau, operasi mengejut itu melibatkan seramai 15 pegawai dan 35 anggota JSPT Bukit Aman, lima pegawai Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman serta seorang pegawai dan empat anggota daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"PDRM khususnya JSPT ingin menegaskan tindakan penguatkuasaan yang dilakukan adalah secara menyeluruh dan pegawai, anggota serta pegawai awam di bawah PDRM juga tidak terkecuali.

"PDRM kekal tegas dalam memastikan pegawai dan anggotanya sentiasa mematuhi undang-undang juga peraturan jalan raya agar dapat menjadi teladan kepada masyarakat secara amnya," ujar beliau.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	UNISEL tawar pendidikan percuma
Muka Surat	:	20

UNISEL tawar pendidikan percuma

Menerusi Skim Dermasiswa untuk bantu ringan beban keluarga B40

Oleh HASRIL ABU HASSAN

Ikuti temu bual bersama Dekan Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor (UNISEL), Profesor Madya Dr Maegala Nallapan Maniyam.

Boleh Dr kongsikan serba sedikit latar belakang dan pengalaman sepanjang berkhidmat di UNISEL?

Saya mula berkhidmat di UNISEL pada 1 September 2005. Tahun ini genaplah 16 tahun saya di sini. Saya bermula sebagai pensyarah program Asas. Saya melanjutkan pengajian PhD di UNISEL dalam penyelidikan bersama Imperial College London pada 2008 hingga 2013. Pada tahun 2014, saya dinaikkan pangkat sebagai Pensyarah Kanan di Institut Bio-IT Selangor. Setelah lapan tahun, saya menerima lantikan untuk berkhidmat di Pusat Pengajian Asasi dan Umum (PADU) sebagai Timbalan Dekan Sumber dan Pembangunan Pelajar sebelum menjadi Dekan PADU bermula pada tahun 2019.

UNISEL merupakan institusi terawal yang menyediakan pendidikan percuma menerusi Program Asasi. Boleh Dr senaraikan Program Asasi di UNISEL?

Di PADU, kami menawarkan empat Program Asasi iaitu Program Asas Teknologi Informasi, Program Asas Sains, Program Asas Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dan Program Asas Pengurusan. Kami turut berharap Program Asas Sastera akan mendapat kelulusan daripada KPT untuk ditawarkan pada tahun 2021. Yang menarik bagi Program Asasi di PADU adalah penawaran Trek Huffaz yang merangkumi 16 kredit tambahan menjurus kepada kursus-kursus pendidikan Islam dan hafazan.

Penuntut mampu dibentuk secara holistik dengan menitikberatkan elemen kerohanian melalui Trek Huffaz yang semestinya membawa nilai tambah kepada Program Asasi di PADU. Penuntut Trek Huffaz juga akan mendapat sijil tambahan daripada Pusat Islam UNISEL melalui penilaian daripada masjid UNISEL.



UNISEL merupakan tempat penuntut mendapat pendidikan berkualiti dengan yuran yang rendah.

Apakah kelebihan melanjutkan pengajian Program Asasi di UNISEL berbanding institusi pendidikan yang lain?

Terlalu banyak kelebihan yang penuntut boleh peroleh apabila melanjutkan pengajian dalam Program Asasi di PADU, UNISEL. Mereka mempunyai akses kepada yuran pengajian percuma yang sudah tentu mampu meringankan beban kewangan keluarga.

Kami di PADU mempunyai barisan pensyarah yang sangat berkelayakan (empat pensyarah dengan kelayakan PhD dan tiga pensyarah dengan kelayakan Ts) untuk membimbing dan menyediakan pendidikan yang holistik kepada penuntut.

Selain kurikulum, PADU amat menitikberatkan elemen pembangunan insaniah. Kita mendedahkan penuntut dengan pertandingan inovasi, lawatan industri dan aktiviti, selain akademik melalui kelab Program Asasi sendiri.

Pada tahun 2020, penuntut PADU berjaya merangkul pingat perak dan pingat gangsa pada pertandingan inovasi IDEX 2020 anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM). Mereka juga memenangi dua pingat emas dan satu anugerah khas dalam Malaysia Technology Expo (MTE) melalui pameran dan inovasi produk STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) di bawah bimbingan Timbalan Dekan (Akademik) PADU, Dr Hazeq Hazwan Azman.

Pencapaian-pencapaian ini mencerminkan nilai tambah yang akan diperoleh penuntut apabila melanjutkan pengajian dalam Program Asasi di PADU. Kami juga sangat menjaga kebajikan penuntut dengan menawarkan Klinik Matematik dan Buddy System

untuk membantu mereka yang lemah dalam Matematik dan kursus-kursus melibatkan pengiraan.

Kesihatan mental penuntut PADU juga kami jaga dengan sebaik mungkin melalui sistem Mentor-Mentee. Mereka akan ditempatkan di bawah pensyarah untuk pemantauan prestasi akademik dan bukan akademik di bawah seliaan Timbalan Dekan (Sumber dan Pembangunan Pelajar), Khairul Firdaus Ne' matullah.

PADU kini dalam proses untuk membolehkan penuntut mendapat sijil tambahan seperti dalam kursus pengkomputeran sebagai nilai tambah yang mampu menyediakan penuntut yang kompeten dan kompetitif.

Boleh terangkan apakah Skim Dermasiswa dan siapa yang layak memohon serta syarat-syaratnya?

Skim Dermasiswa adalah inisiatif Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman yang me-

nawarkan pengecualian yuran pengajian kepada penuntut Program Asasi yang layak. Skim Dermasiswa terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia, bukan hanya rakyat Selangor.

Penuntut yang memenuhi kelayakan untuk Program Asasi secara automatik layak menerima Skim Dermasiswa. Mereka perlu mengisi borang Dermasiswa untuk diproses bagi pengecualian yuran pengajian sepanjang tiga semester Program Asasi. Mereka juga dikecualikan daripada yuran semester berjumlah RM230 per semester sekiranya menerima Skim Dermasiswa.

Penawaran Skim Dermasiswa ini menunjukkan kebersamaan UNISEL dengan kerajaan Selangor untuk membantu dan mengangkat golongan B40 terutamanya untuk lebih berdaya saing.

Harapan dan pesanan buat mereka yang berminat melanjutkan pengajian di UNISEL.

Harapan saya kepada semua pelajar di luar sana agar rebutlah peluang keemasan ini untuk menyertai keluarga PADU melalui Skim Dermasiswa. Di PADU, penuntut akan menikmati yuran pengajian percuma dan mereka boleh melanjutkan pengajian ke ijazah dasar piuhan sendiri di UNISEL.

Penuntut boleh menjimatkan masa ke ijazah dasar kerana Program Asas merupakan *fast track* yang hanya mengambil masa selama setahun.

Selain itu, UNISEL merupakan universiti kerajaan negeri pertama di Malaysia yang menyediakan suasana kampus seperti universiti awam. UNISEL juga mempunyai kemudahan asrama yang sangat kondusif dan selamat. Dalam erti kata mudah, UNISEL merupakan tempat penuntut mendapat pendidikan berkualiti dengan yuran yang rendah.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	IWK, Air Selangor tandatangani MoU bekalkan air kepada pengilang
Muka Surat	:	23

IWK, Air Selangor tandatangani MoU bekalkan air kepada pengilang

KUALA LUMPUR - Indah Water Konsortium Sdn Bhd (Indah Water) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi membekalkan air untuk bukan tujuan makanan dan minuman kepada pengilang-pengilang di Lembah Klang.

MoU itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IWK, Narendran Maniam dan Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamaralzaman dalam satu majlis yang berlangsung di Hotel Intercontinental pada Selasa.

Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, inisiatif ini merupakan satu mercu tanda baharu dalam industri air dan pembetulan negara yang mampu mengurangkan bebanan permintaan terhadap sumber bekalan air minum terawat pada masa hadapan.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan Selangor dalam membantu usaha kerajaan Persekutuan bagi merealisasikan inisiatif ini.

"Saya turut berharap agar kerajaan negeri, operator air serta industri-industri terlibat dengan penggunaan air yang tinggi lain dapat turut serta menerokai potensi usahasama sebegini bersama IWK," katanya



Amirudin (tiga dari kanan) dan Tuan Ibrahim (dua dari kiri) menyaksikan Narendran (kiri) dan Suhaimi (dua dari kanan) menandatangani dokumen MoU pada majlis berkenaan yang diadakan pada Selasa

dalam satu kenyataan pada Selasa.

Hadir sama bagi menyaksikan majlis menandatangani MoU itu adalah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dalam pada itu, Tuan Ibrahim berkata, sebuah syarikat tujuan khas (special purpose vehicle company) iaitu Central Water Reclamation Sdn Bhd

(CWR) telah ditubuhkan sebelum ini bagi tujuan pelaksanaan tersebut.

"Bagi fasa awal, CWR akan mengendalikan Loji Rawatan Air Pulih Guna Guna (LRAP) di Setia Alam, Selangor.

"Loji ini berupaya membekalkan sebanyak 7.5 juta liter air pulih guna sehari dan CWR turut dimiliki oleh Air

Selangor sebanyak 60 peratus dan IWK 40 peratus," katanya.

Bagi fasa berikutnya, CWR menetapkan sasaran kumulatif sebanyak 247 juta liter air pulih guna sehari bagi kawasan Lembah Klang.

"Usahasama ini akan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak kira-kira RM600 juta," katanya.



KERATAN AKHBAR		
17 March 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita isu murtad
Muka Surat	:	23

Sultan Selangor dukacita isu murtad

Ada segelintir umat Islam tidak hati-hati keluar kata-kata yang boleh jejas akidah dan keislaman mereka

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah meluahkan rasa dukacita dengan sikap dan tingkah laku segelintir individu beragama Islam khususnya di negeri ini yang tidak berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata hingga menjejaskan akidah dan keislaman mereka.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani menerusi satu kenyataan

memaklumkan, baginda menegaskan apa-apa 'iktikad' (pernyataan dalam hati), percakapan atau perbuatan oleh mana-mana umat Islam yang berhasrat keluar daripada agama itu dikuatiri membawa kepada tergelincirnya akidah dan menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam.

"Baginda bertitah, asas kepada kepercayaan umat Islam adalah mengakui Keesaan ALLAH dengan mengucap kalimah syahadah.

"Selain itu, seorang Islam perlulah sentiasa berpegang kepada keyakinan bahawa hanya ALLAH yang berhak disembah dan Nabi Muhammad sebagai pesuruh ALLAH," titah baginda dalam satu kenyataan akhbar pada Selasa.

Mohamad Munir berkata, Sultan Sharafuddin juga bertitah seseorang yang berpegang dengan Islam sebagai agamanya mestilah berpegang secara mut-



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

lak terhadap prinsip tauhid dan akidah sepanjang kehidupannya.

"Sehubungan itu tindakan segelintir umat Islam khususnya di Selangor yang mengugut untuk keluar daripada agama Islam apabila berhadapan dengan sesuatu masalah hanya menunjukkan rapuhnya keyakinan mereka terhadap

agama Islam dan ALLAH," titah baginda.

Menurut beliau, Sultan Sharafuddin sangat berpegang kepada keyakinan bahawa Islam dan iman adalah satu anugerah dan nikmat daripada ALLAH kepada umat Islam.

"Maka hendaklah kita menjaganya (nikmat Islam dan iman) dengan baik serta penuh kesabaran dalam apa juga situasi termasuk dalam keadaan selesa (aman) atau kepayahan," titah baginda.

Beliau memberitahu, Sultan Sharafuddin turut menegaskan kesalahan perbuatan murtad yang digambarkan di dalam bentuk hukuman mengikut hukum syarak.

"Bagi seseorang yang murtad atau keluar daripada agama Islam dan yang telah diberi peluang untuk bertaubat, namun tidak mahu bertaubat adalah boleh dihukum mati menurut pendapat majoriti ulamak ter-

masuk mazhab Imam Syafi'e," titah baginda.

